

NO. SOALAN: 252

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]

RUJUKAN : 7350

SOALAN:

Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada terdapat aktiviti Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) yang telah menerima pembiayaan secara langsung atau tidak langsung daripada mana-mana Kementerian atau jabatan-jabatan Kerajaan.

JAWAPAN:

Mengikut rekod Kementerian Dalam Negeri, Pertubuhan Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) telah ditubuhkan dan didaftarkan dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia di bawah Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] pada 7 Julai 1997 dengan No. Pendaftaran PPM-030-10-07071997 yang beralamat di No.25-1-1, Jalan Medan PB 1A, Bandar Baru Bangi, Seksyen 9, 43650 Selangor.

Kementerian ini melalui Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia tidak memberi peruntukan kewangan kepada mana-mana pertubuhan yang didaftarkan di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia termasuklah kepada Pertubuhan Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA). Walau bagaimanapun, di bawah peruntukan *Guarded Neighbourhood* pada tahun 2013, Kementerian melalui Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia ada memberikan geran kepada Persatuan Penduduk sahaja. Oleh itu, dakwaan yang menyebut bahawa KDN ada memberikan peruntukan kepada ISMA adalah tidak benar. Berdasarkan Perlembagaan Pertubuhan ISMA, didapati pertubuhan tersebut menjana pendapatan pertubuhannya melalui yuran kemasukan, yuran ahli, kutipan dana dan derma serta lain-lain aktiviti bagi menjalankan aktiviti-aktiviti pertubuhannya.